

01/11/2003

Perhimpunan khas sempena persaraan Dr M

SEREMBAN: Semua sekolah di negeri ini mengadakan perhimpunan khas pagi kelmarin sempena persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Perhimpunan jam 9 pagi itu dimulakan dengan membaca perutusan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Musa Mohamad yang dibacakan oleh pengetua atau guru besar.

Ia diikuti perutusan daripada Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat yang dibacakan Guru Penolong Kanan.

Pelajar turut membacakan surat terbuka yang ditujukan khas kepada Dr Mahathir yang memberikan sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Selain memberikan penghargaan kepada Dr Mahathir, perutusan itu juga mengalukan-alukan pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima.

Seluruh warga pendidikan berkeyakinan Pak Lah mampu membawa Malaysia ke mercu kejayaan dan kemajuan seperti yang dicita-citakan oleh Dr Mahathir.